

DARI MEJA KETUA PUSTAKAWAN

**“Peranan Perpustakaan
Amat Penting Di Dunia
Akademik”**



Alhamdulillah, segala puji bagi ALLAH SWT kerana dengan izin dan limpah kurnianya Buletin InfoPintar Bilangan 2/2009 dapat diterbitkan dengan jayanya. Kejayaan demi kejayaan yang diperolehi telah mendorong PTAR untuk memberikan perkhidmatan yang lebih berkualiti kepada pengguna.

Peranan perpustakaan amatlah penting di dunia Akademik tambahan lagi di zaman globalisasi ini yang amat mementingkan modal insan yang cemerlang. Peranan PTAR yang sentiasa memberi sokongan serta perkhidmatan yang berkualiti kepada seluruh Warga PTAR telah di buktikan melalui anugerah-anugerah serta pengiktirafan yang telah diperolehi.

Saya berasa amat bangga dengan pencapaian dan kejayaan yang telah dikecapi oleh PTAR. Saya berharap ia akan menjadi pemangkin kepada semua Warga UITM khususnya Warga PTAR untuk lebih berusaha bagi memastikan UITM menjadi sebuah Universiti yang unggul dan berdaya saing.

Akhir kata, SYABAS dan TAHNIAH di ucapkan buat semua warga PTAR diatas segala usaha dan kerjasama yang telah diberikan selama ini.

PTAR@your service

Sekian, terima kasih.